

Ikan belanak hidup jadi sumber rezeki

4M 10/12/2024 pg 33

Oleh **AMRAN MULUP**

utusannews@mediamulia.com.my

MELAKA: Siapa sangka dengan menjual ikan belanak hidup untuk kaki pancing, seorang nelayan mampu meraih sumber rezeki tambahan buat menyara keluarga.

Perniagaan itu diusahakan oleh Mohd. Sufre Jaamat, 41, yang saban hari menjala ikan belanak di sekitar Pantai Kundor di sini.

Menurutnya, penjualan ikan itu membolehkannya meraih pendapatan antara RM2,000 hingga RM3,000 sebulan kerana mendapat permintaan tinggi di sekitar negeri ini.


“Ikan belanak hidup memang cukup digemari dalam kalangan kaki pancing terutama mereka yang gemar memancing ikan siakap. Permintaan sangat tinggi dan kadang-kadang ikan yang

ada pun tidak cukup untuk menampung permintaan yang meningkat, khususnya pada cuti hujung minggu atau kelepasan am.

“Setiap kali turun menjala di sekitar Pantai Klebang, Kota Laksamana dan Pantai Puteri, paling tidak saya mesti mencari antara 100 hingga 200 ekor,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Jeti Nelayan Lereh.

Tambah Mohd. Sufre, untuk menangkap ikan tersebut, dia perlu menunggu ketika air surut dan kembali pasang dengan dibantu abang iparnya mencari lokasi spesies itu berkumpul.

“Selain ikan, saya turut menjala udang untuk dijadikan umpuan dan paling digemari kepada kaki pancing. Hasil yang saya jala akan dilepaskan hidup-hidup dalam dua kolam yang dibina di depan rumah khusus untuk belanak dan udang hidup,” ujarnya.



MOHD. Sufre Jaamat bersama bekas berisi ikan belanak selepas turun menjala di Pantai Klebang, Melaka. - UTUSAN/AMRAN MULUP